

Dr. Mahathir bidas Nik Aziz tuduh graduan tidak berakhlak

UM - 9 SEP 2003

KOTA KINABALU 8 Sept. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini membidas Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat kerana menuduh graduan lepasan universiti di negara ini tidak berakhlak sehingga melahirkan pegawai-pegawai kerajaan yang terbabit dalam maksiat dan rasuah.

Sebaliknya, Perdana Menteri berkata, dalam banyak perkara, di Kelantan sendiri yang ditadbir oleh Nik Aziz, terdapat daripada mereka yang berkopiah dan tidak ke universiti melakukan perkara yang tidak baik.

“Sebagai contoh, saya melihat

gambar mengenai kes seorang lelaki di sebuah kampung di Kelantan yang merogol cucunya dan saya tidak fikir dia pergi belajar di universiti,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas merasmikan perhimpunan Agung Tahunan Parti Bersatu Sabah (PBS) di Dewan Persatuan Kebudayaan Kadazandusun (KDCA) di Penampang di sini hari ini.

Beliau mengulas mengenai dakwaan Nik Aziz hari ini yang bercadang menubuhkan Universiti Kelantan kerana mendakwa graduan lepasan universiti-universiti mela-

hirkan pegawai-pegawai kerajaan yang tidak berakhlak kerana banyak terbabit dalam jenayah rasuah dan maksiat.

“Graduan universiti sekarang ini banyak timbulkan masalah sebab mereka terlibat dengan dadah, zina, jenayah, rasuah, liwat dan macam-macam lagi.

“Pegawai-pegawai kerajaan dan orang politik ramai kaki rasuah, tengok sajalah suratkhbar, sepatutnya bila universiti makin banyak, masalah makin kurang, tapi tidak,” kata Nik Aziz ketika mengumumkan cadangan penubuhan Universiti Kelantan, semalam.